

Impak Aktiviti Kesukarelawan Terhadap Pencapaian Akademik dan Sahsiah Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)

Saiful Nizam Sa'ari ^{1,*}, Mohd Lutfi Mohd Khidir ¹, dan Fauzih Ayob ^{1,2}

¹Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
06000 Jitra Kedah, Malaysia.

²Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
06000 Jitra Kedah, Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengetahui impak aktiviti kesukarelawan terhadap pencapaian dan sahsiah pelajar POLIMAS. Semangat kesukarelawan bukanlah satu perkara yang asing dan baharu dalam institusi pengajian tinggi. Sukarela bermaksud bekerja atas kemahuan sendiri dan tanpa dipaksa oleh orang lain. Aktiviti ini juga secara tidak langsung menyahut seruan Perdana Menteri Malaysia ke-9 Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri mengetengahkan konsep Keluarga Malaysia secara relatifnya ia merupakan suatu usaha yang positif dan menarik. Walau bagaimanapun, kajian ini menentukan kesediaan pelajar untuk menyertai aktiviti sukarelawan tidak mengganggu-gugat prestasi sebagai seorang pelajar. Kaedah kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan responden seramai 95 orang pelajar dipilih secara rawak. Kajian mendapati kebanyakan pelajar yang aktif mengikuti aktiviti kesukarelawan dapat mengekalkan pencapaian akademik malah dapat meningkatkan sahsiah diri ke tahap yang lebih baik. Majoriti pelajar yang menyertai aktiviti kesukarelawan mempunyai minat yang terpendam malah aktif menyertai persatuan dan kelab di POLIMAS. Analisa keseluruhan membuktikan purata skor min melebihi nilai 4.0 mencapai tahap tinggi pada setiap item, hal ini menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa penglibatan aktiviti kesukarelawan telah memberi impak yang positif kepada pelajar dan institusi. Selain itu, dapatan kajian akan digunakan untuk merangka, menambah baik dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan khususnya di POLIMAS dalam usaha menghasilkan modal insan yang berdaya saing seiring dengan keperluan industri yang mementingkan keseimbangan pekerja dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah.

PENGENALAN

Siswa politeknik merupakan golongan berpendidikan tinggi yang mampu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat melalui pelbagai aktiviti kesukarelawan. Sukarela ialah gabungan dua perkataan, iaitu suka dan rela. Gabungan dua perkataan itu membawa maksud rela untuk berbakti. Pelajar yang menyertai aktiviti kesukarelawan mempunyai sifat murni kerana sanggup meluangkan masa dan tenaga untuk membantu orang lain tanpa mengharapkankan balasan. Contoh dan nilai murni yang disemai dalam khidmat kesukarelawan ini dapat membentuk peribadi dan keterampilan pelajar ke tahap yang lebih baik. Selain itu, aktiviti kesukarelawan ini juga dapat mengelakkan pelajar terbabat dengan kegiatan tidak bermoral seperti lumba haram, penyalahgunaan dadah dan banyak lagi gejala negatif. Penglibatan dalam aktiviti begini juga membantu mengasah bakat kepimpinan pelajar sekali gus meningkatkan keyakinan dan kemahiran berkomunikasi. Program kesukarelawan dalam kalangan pelajar mampu melahirkan seorang pelajar yang bertanggungjawab terhadap isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan

* Corresponding Author: saiful.nizam@polimas.edu.my

masyarakat kerana mereka perlu melibatkan diri secara langsung bagi membantu menyelesaikan masalah ketidakseimbangan yang wujud dalam sesebuah masyarakat berkenaan [1]. Pelajar yang terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan kesukarelawanan dikenal pasti mempunyai perubahan yang ketara daripada aspek nilai sosial yang dimiliki oleh mereka [2]. Penglibatan mahasiswa dengan aktiviti sukarelawan bukan sahaja mampu meningkatkan tahap pencapaian mereka daripada aspek kurikulum dan kokurikulum, malahan mereka mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk membantu komuniti sekeliling yang berada dalam keadaan yang memerlukan [3]. Pelajar institusi pengajian tinggi yang melibatkan diri dengan aktiviti berbentuk kesukarelawanan mempunyai gaya kehidupan yang lebih berdisiplin dan kebanyakan mereka dilihat lebih mempunyai keyakinan diri dan mampu mengurus masa dengan lebih sistematik [4].

POLIMAS memfokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran empat domain utama iaitu kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif dan sosial. Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan ini membantu mencapai domain efektif dan sosial dalam usaha melahirkan pelajar yang bergiat aktif, prihatin terhadap masyarakat berbilang kaum dan berdaya saing. Bagi merealisasikan usaha ini, Yayasan Sukarelawan Siswa Politeknik Malaysia atau dikenali sebagai YES!Politeknik Malaysia telah ditubuhkan pada 15 Julai 2011. YES!Politeknik merupakan platform kepada pelajar politeknik untuk menyumbang khidmat bakti dalam bentuk kemahiran TVET kepada masyarakat. Antara tujuan utama penubuhan YES!Politeknik ialah untuk melahirkan graduan yang holistik bercirikan keusahawanan, menyumbangkan kemahiran TVET kepada komuniti dan melibatkan pelajar secara aktif dalam program sukarelawan. Namun begitu, penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti kesukarelawan mestilah seiring dengan pencapaian akademik yang cemerlang. Di samping menggalakkan pelajar menyertai aktiviti sukarelawan, kajian ini mengkaji impak aktiviti sukarelawan terhadap pencapaian akademik dan sahsiah pelajar. Kesukarelawanan secara umumnya merujuk kepada sebarang kegiatan altruistik melibatkan penyediaan perkhidmatan tanpa mengharapkan balasan dan keuntungan oleh individu atau kumpulan untuk memberi manfaat kepada masyarakat. Kerja sukarela ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan material, dan dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran [5]. Definisi sukarelawan ialah sebagai suatu pekerjaan tanpa upah [6]. Definisi lain yang dilihat selari merujuk sukarelawan ialah individu yang melibatkan diri dengan kerja-kerja amal tanpa mengharapkan sebarang bentuk ganjaran [7]. Selain itu, sukarelawan juga boleh didefinisikan sebagai golongan yang meluangkan masa lapang mereka dengan memberikan perkhidmatan kepada anggota masyarakat lain tanpa mengharapkan sebarang bentuk ganjaran daripada mana-mana pihak [8]. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah menetapkan matlamatnya bahawa pendidikan tinggi negara memberi keupayaan kepada negara untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai ciri-ciri minda kelas pertama. Di antara ciri-ciri peribadi yang diperlukan adalah seperti berikut: (a) Berorientasikan matlamat: proaktif, daya tahan diri, disiplin, yakin, bermotivasi, dan berdaya saing di peringkat global. (b) Intelektual: kreatif, inovatif, dan mempunyai kemahiran berfikir secara kritikal. (c) Cepat belajar, mudah menyesuaikan diri, dan fleksibel. (d) Memiliki sifat-sifat keusahawanan. (e) Beretika dan bermoral tinggi. (f) Kerohanian yang teguh. (g) Bersifat penyayang dan prihatin (melalui khidmat masyarakat dan kerja sukarela).

Selain itu, mahasiswa juga dituntut untuk memiliki ciri-ciri interaksi seperti: (a) Keterampilan berkomunikasi dan penyampaian berkesan. (b) Keupayaan menyesuaikan diri dan mudah bergaul dengan orang ramai pada pelbagai peringkat. (c) Keupayaan untuk maju dan mempunyai kekuatan diri serta rangkaian profesional. (d) Kepemimpinan. Pembentukan Sukarelawan dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi memperlihatkan satu usaha pembangunan modal insan dalam pembentukan semangat kesukarelawan dan aktiviti sosial terhadap komuniti dan masyarakat. Justeru itu, aktiviti dan program kesukarelawanan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi termasuk POLIMAS adalah selaras dengan hasrat negara dalam pembangunan modal insan. Walau bagaimanapun aktiviti ini haruslah seiring dengan pencapaian akademik

yang cemerlang ke arah memenuhi matlamat Dasar Pembangunan Negara agar usaha pembangunan modal insan melalui aktiviti kesukarelawan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien di samping aspek sahsiah pelajar dapat ditambah baik. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan sebegini juga dapat dilihat sebagai petanda baik ke arah pembentukan pemikiran yang positif dan pembangunan personaliti yang mantap ke arah melahirkan modal insan berteraskan Revolusi Industri 4.0. Siswa POLIMAS merupakan golongan yang bakal menerajui negara serta mempunyai peranan yang penting menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Justeru itu, POLIMAS dengan penuh iltizam berusaha memupuk prinsip-prinsip asas sukarelawan seperti berikut: (a) Sedia berkongsi maklumat, pengetahuan dan kemahiran. (b) Berkhidmat tanpa pilih kasih atau diskriminasi (c) Menyumbang tanpa mengharap balasan atau ganjaran material. (d) Bertitik tolak daripada keadaan (situasi) dan keperluan pihak terlibat. (e) Menglibatkan pihak yang berkenaan dalam sebarang keputusan atau tindakan. (f) Setiap orang boleh menyumbang atau berkongsi yang memberi manfaat.

Sebagai sukarelawan siswa yang berdedikasi beberapa etika mestilah dipatuhi agar aktiviti kesukarelawan berjalan dengan lancar dan keharmonian masyarakat dapat dijaga dari segi perbezaan agama, kaum, budaya serta tidak melanggar peraturan sebagai siswa POLIMAS. Antara etika yang perlu dipatuhi oleh sukarelawan siswa POLIMAS ialah seperti berikut: (a) Hormati privasi dan kerahsiaan. (b) Belajar daripada kelemahan dan kesilapan lalu seterusnya memperbaiki prestasi masahadapan. (c) Sentiasa letakkan komitmen yang tinggi. (d) Sentiasa menepati janji. (e) Bersikap telus dan jujur. (f) Memelihara integriti dan bersikap profesional. Penglibatan seseorang individu dengan aktiviti berbentuk kesukarelawan boleh membawa kesan positif dalam diri seseorang individu berkenaan [9]. Ini kerana ia secara tidak langsung membantu meningkatkan kesejahteraan fizikal mereka, membentuk jaringan sosial yang lebih luas dan seterusnya membantu menyelesaikan isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Memandangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kesukarelawan dalam kalangan siswa POLIMAS mampu memberi nilai tambah ke arah pembentukan peribadi dan sahsiah yang positif, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti impak menyertai aktiviti kesukarelawan terhadap pencapaian akademik dan sahsiah diri. Hasil kajian mampu menyediakan maklumat asas kepada pihak pentadbir di Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam merangka program sukarelawan yang boleh menarik minat siswa Politeknik Malaysia untuk terus memberi khidmat masyarakat kepada komuniti yang memerlukan.

Program kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa mampu melahirkan seseorang graduan yang bertanggungjawab terhadap isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat kerana mereka perlu melibatkan diri secara langsung bagi membantu menyelesaikan masalah ketidakseimbangan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, penglibatan mahasiswa dengan aktiviti sukarelawan bukan sahaja mampu meningkatkan tahap pencapaian mereka daripada aspek kurikulum dan kokurikulum, malahan mereka mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk membantu komuniti sekeliling yang berada dalam keadaan yang memerlukan. Siswa politeknik yang melibatkan diri dengan aktiviti berbentuk kesukarelawan mempunyai gaya kehidupan yang lebih berdisiplin dan kebanyakan mereka dilihat lebih mempunyai keyakinan diri dan mampu mengurus masa dengan lebih sistematik.

ANALISA DATA DAN PERBINCANGAN

Kesemua data dan maklumat yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Soasial Science* (SPSS). Kajian rintis telah dijalankan melibatkan 20 orang responden dan keputusan kajian menunjukkan nilai Cronbach Alpha 0.957. Ini membuktikan kebolehpercayaan instrumen kajian ialah tinggi serta boleh bagi kajian sebenar [10]. Semua data bahagian A dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan manakala bahagian B, C dan D dianalisis menggunakan skor min secara pengiraan statistik deskriptif. Skor min terbahagi kepada 3 bahagian tahap penilaian [11]. Jadual 1 menunjukkan pecahan skor min mengikut tahap penilaian.

Jadual 1 Tahap Penilaian Berdasarkan Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Bahagian A mengandungi 5 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden, jantina, jabatan akademik, semester pengajian, himpunan purata nilai mata (HPNM) dan penglibatan dalam kelab dan persatuan di POLIMAS.

Jadual 2 Latar Belakang Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	38	40
Perempuan	57	60
Jumlah	95	100

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden terdiri daripada 95 orang pelajar. Jumlah responden lelaki seramai 38 orang merangkumi 40% manakala pelajar perempuan seramai 57 orang atau 60%. Kajian ini turut meneliti faktor perbezaan jantina dalam kalangan sukarelawan POLIMAS menunjukkan faktor nilai serta pemahaman adalah signifikan dan menjadi kepentingan kepada pelajar perempuan berbanding dengan lelaki.

Jadual 3 Latar Belakang Mengikut Jabatan Akademik

Jabatan	Kekerapan	Peratus (%)
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	23	24.2
Jabatan Kejuruteraan Awam	21	22.1
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	17	17.9
Jabatan Kejuruteraan Perdagangan	29	30.5
Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi	5	5.3
Jumlah	95	100

Merujuk kepada Jadual 3, kekerapan paling tinggi penglibatan pelajar mengikut jabatan akademik di POLIMAS ialah Jabatan Perdagangan iaitu seramai 29 orang pelajar atau 30.5% manakala kekerapan paling rendah ialah Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi iaitu seramai 5 orang pelajar atau 5.3%. Perbezaan jabatan akademik juga memperlihatkan peratusan minat pelajar untuk menyertai aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak POLIMAS.

Jadual 4 Latar Belakang Mengikut Semester Pengajian

Semester	Kekerapan	Peratus (%)
Semester 1	21	22.2
Semester 2	24	25.3
Semester 3	12	12.6
Semester 4	38	40.0
Semester 5	0	0.0
Semester 6	0	0.0
Jumlah	95	100

Jadual 4 menunjukkan kekerapan mengikut perbezaan semester pengajian, kekerapan tertinggi ialah pelajar dalam kalangan semester 4 iaitu seramai 38 orang merujuk kepada 38%. Hal ini kerana kebanyakan pelajar semester 4 telah matang dalam kehidupan sebagai seorang pelajar politeknik. Di samping itu, majoriti daripada pelajar-pelajar ini telah berpengalaman menyertai aktiviti-aktiviti kesukarelawan sebelum ini. Namun begitu, POLIMAS sentiasa menyediakan ruang dan peluang kepada semua pelajar terutamanya pelajar semester 1 dan 2 untuk menyertai aktiviti kesukarelawan supaya mereka lebih berdikari dan sentiasa meningkatkan kemampuan diri ke tahap yang lebih tinggi. Hasil dapatan membuktikan peratusan penglibatan pelajar semester 1 dan 2 agak memberangsangkan dengan masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 25.3% dan 21.1%. POLIMAS memfokuskan aktiviti kesukarelawan ini di sertai oleh pelajar semester 1 dan 2 kerana mereka ini akan menjadi pelapis kesinambungan untuk menjayakan teras-teras Pelan Strategik Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun kajian menunjukkan tiada penglibatan pelajar setelah mereka menduduki semester 5 dan 6. Hal ini kerana pelajar semester 5 mulai memerlukan perhatian dan komitmen sepenuhnya dalam menyiapkan projek tahun akhir manakala semester 6 sedang menjalani sesi latihan industri di luar kampus.

Jadual 5 Latar Belakang Pelajar Menyertai Kelab dan Persatuan

Semester	Kekerapan	Peratus (%)
Kelab YES! Politeknik	43	45.26
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	17	17.89
Pembimbing Rakan Siswa (PRS)	7	7.37
Rakan Pusat Islam (RAPI)	4	4.21
Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK)	12	12.63
Persatuan Uniform (Wataniah, PISPA, RELA & Pengangkap)	12	12.63
Jumlah	95	100

Dapatan daripada Jadual 5 menunjukkan kekerapan pelajar aktif menyertai persatuan dan kelab tertinggi ialah Kelab YES! Politeknik iaitu seramai 43 orang pelajar atau 45.26%. Peratusan menyertai kelab YES! Politeknik merupakan kelab paling aktif di POLIMAS kerana setiap pelajar politeknik merupakan ahli kelab YES! Politeknik dan berpeluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan. Peratusan 17.89% merujuk kepada penglibatan pelajar daripada

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) iaitu seramai 17 orang pelajar. Selain itu, pelajar daripada Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) dan Persatuan Uniform masing-masing mencapai kekerapan 12 orang pelajar membawa kepada 12.63%. Keseluruhannya, majoriti pelajar aktif dalam aktiviti kesukarelawan terdiri daripada pelajar yang aktif menyertai kelab dan persatuan di POLIMAS.

Jadual 6 Latar belakang pelajar mengikut Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)

HPNM	Kekerapan	Peratus (%)
3.50 hingga 4.00	26	27.4
2.99 hingga 3.49	33	34.7
2.00 hingga 2.99	15	15.7
Bawah 2.00	0	0.0
Semester 1	21	22.1
Jumlah	95	100

Bahagian B ini mengandungi 6 soalan berkaitan dengan faktor-faktor yang mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan. Bahagian ini dianalisis menggunakan tahap penilaian merujuk kepada tahap skor min.

Jadual 7 Faktor-faktor Penglibatan Menyertai Aktiviti Kesukarelawan

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Saya meminati aktiviti kesukarelawan	4.77	Tinggi
2	Saya memohon sebagai sukarelawan dengan rela hati tanpa paksaan sesiapa	4.67	Tinggi
3	Saya suka dengan aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak POLIMAS	4.73	Tinggi
4	Saya mempunyai keluarga dan rakan yang meminati aktiviti kesukarelawan	4.47	Tinggi
5	Saya sentiasa mencari peluang untuk menyertai program kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak POLIMAS	4.69	Tinggi
6	Saya pernah mengikuti aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak luar selain POLIMAS	4.22	Tinggi
Purata min		4.59	Tinggi

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan didorong oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor yang diuji dalam kajian ini ialah seperti item soalan 1 hingga 6. Jadual 7 menunjukkan peratusan item soalan 1 mencapai skor min tertinggi iaitu 4.77 merujuk kepada minat pelajar terhadap aktiviti kesukarelawan. Minat merupakan faktor utama pelajar cenderung untuk melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawan. Pelajar yang mempunyai minat yang tinggi akan berusaha mencari peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti berfaedah bagi meningkatkan mutu diri ke tahap yang lebih tinggi. Antara faktor lain yang mendorong pelajar menyertai aktiviti kesukarelawan ini ialah pelajar itu sendiri berlatar belakangkan keluarga yang aktif dalam aktiviti khidmat masyarakat. Faktor pengaruh ajakkan rakan sebaya juga menyebabkan pelajar terdorong untuk menyertai aktiviti kesukarelawan. Purata skor min keseluruhan bagi semua item ini ialah 4.59 iaitu di tahap tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar POLIMAS bukan sahaja melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan di institusi bahkan mereka juga melibatkan

diri dengan aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak luar. Ini dibuktikan dengan skor min item soalan 6 iaitu 4.22 dengan tahap pencapaian skor tinggi.

Bahagian C ini mengandungi 6 soalan berkaitan dengan impak menyertai aktiviti kesukarelawan terhadap prestasi pencapaian akademik. Bahagian ini dianalisis menggunakan tahap penilaian merujuk kepada tahap skor min.

Jadual 8 Impak Menyertai Aktiviti Kesukarelawan Terhadap Prestasi Pencapaian Akademik

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Aktiviti kesukarelawan membantu saya meningkatkan prestasi akademik	4.42	Tinggi
2	Saya lebih bersemangat untuk belajar selepas menyertai aktiviti kesukarelawan	4.49	Tinggi
3	Aktiviti kesukarelawan dapat merangsang fikiran saya berfikir secara kreatif semasa dalam kelas	4.67	Tinggi
4	Aktiviti kesukarelawan tidak menjejaskan tumpuan saya semasa dalam kelas	4.54	Tinggi
5	Pencapaian akademik saya dapat dikekalkan walaupun menyertai aktiviti kesukarelawan	4.45	Tinggi
6	Aktiviti kesukarelawan meningkatkan kecergasan minda dan fizikal yang membantu kecemerlangan akademik	4.62	Tinggi
Purata min		4.53	Tinggi

Jadual 8 menunjukkan analisa yang diperolehi daripada kajian untuk menentukan impak aktiviti kesukarelawan terhadap pencapaian akademik pelajar. Keseluruhan item memperoleh purata skor min pada tahap tinggi iaitu dengan nilai skor min 4.53. Responden bersetuju bahawa aktiviti kesukarelaan dapat merangsang pemikiran secara kreatif semasa dalam kelas terbukti dengan pencapaian bacaan skor min tertinggi iaitu 4.67. Selain itu, responden juga bersetuju aktiviti kesukarelawan meningkatkan kecergasan minda dan fizikal yang membantu kecemerlangan akademik dengan mencatatkan bacaan skor min 4.62. Kecergasan emosi dilihat mempengaruhi pembelajaran pelajar [12]. Kesan positif kepada pelajar terhadap pemikiran kritikal, atribusi kawalan dalaman untuk kejayaan akademik serta kecenderungan memiliki tugas kognitif yang lebih mencabar dengan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Hal ini membuktikan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan memberi impak yang positif dalam pencapaian akademik dan membantu pelajar meningkatkan kemahiran berfikir secara lebih rasional.

Bahagian D ini mengandungi 6 soalan berkaitan dengan impak menyertai aktiviti kesukarelawan terhadap sahsiah pelajar. Bahagian ini dianalisis menggunakan tahap penilaian merujuk kepada tahap skor min.

Merujuk kepada analisa Jadual 9, hasil dapatan menunjukkan skor min kesemua item soalan berada pada tahap tinggi. Purata skor min keseluruhan iaitu 4.73 membuktikan responden bersetuju bahawa menyertai aktiviti kesukarelawan dapat meningkat tahap sahsiah pelajar. Berdasarkan kajian yang dilakukan, hasil dapatan menunjukkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.78 dimana responden bersetuju dengan aktiviti kesukarelawan meningkatkan tahap keyakinan pelajar. Kajian juga membuktikan bahawa aktiviti kesukarelawan meningkatkan tahap integrasi sosial pelajar dengan pelbagai lapisan masyarakat mencatatkan skor min kedua tertinggi iaitu 4.77. Selain itu, aktiviti ini juga meningkatkan sikap tanggungjawab dan menjadikan pelajar lebih prihatin terhadap permasalahan masyarakat sekitar. Hal ini dibuktikan dengan dapatan item soalan 2 dan 6 masing-masing mencatatkan skor min 4.74. Item soalan 1 juga menunjukkan

responden bersetuju dengan menyertai aktiviti sukarelawan membuatkan mereka lebih berdisiplin. Di samping itu, aktiviti sukarelawan ini juga membantu meningkatkan kemahiran komunikasi dan responden juga bersetuju bahawa melalui aktiviti kesukarelawan memberi peluang kepada mereka bagi menyalurkan minat, bakat serta kemahiran untuk dikongsi bersama. Kemahiran komunikasi hanya boleh diperoleh apabila pelajar terbabit secara langsung dan berusaha untuk berinteraksi dengan masyarakat sekeliling. Keseluruhan dapatan menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan sangat membantu dalam mencapai Falsafah Pendidikan Negara iaitu untuk menghasilkan graduan cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Jadual 9 Impak Menyertai Aktiviti Kesukarelawan Terhadap Sahsia Pelajar

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Aktiviti kesukarelawan menjadikan saya seorang yang lebih berdisiplin	4.73	Tinggi
2	Aktiviti kesukarelawan menjadikan saya seorang yang bertanggungjawab	4.74	Tinggi
3	Aktiviti kesukarelawan meningkatkan tahap keyakinan diri saya	4.78	Tinggi
4	Pergaulan & interaksi saya dengan orang luar lebih baik selepas menyertai aktiviti kesukarelawan	4.67	Tinggi
5	Aktiviti kesukarelawan meningkatkan tahap komunikasi saya dengan orang lain	4.72	Tinggi
6	Aktiviti kesukarelawan menjadikan saya lebih prihatin terhadap diri sendiri dan orang lain	4.74	Tinggi
7	Aktiviti kesukarelawan meningkatkan tahap integrasi sosial (perpaduan) dengan pelbagai lapisan masyarakat	4.77	Tinggi
8	Minat, bakat serta kemahiran yang saya ada dapat disalurkan melalui aktiviti kesukarelawan	4.72	Tinggi
Purata min		4.73	Tinggi

KESIMPULAN

Kesimpulannya, POLIMAS sentiasa peka dengan keperluan industri dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Isu kebolehpasaran graduan sering dibincangkan dalam landskap pendidikan tinggi negara berikutan masalah pengangguran. Kecemerlangan akademik semata-mata bukan jaminan untuk mendapat pekerjaan pada era globalisasi ini. Oleh yang demikian penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan merupakan salah satu usaha untuk melahirkan graduan POLIMAS bertaraf globalisasi bagi mencapai kemajuan negara di masa hadapan. Pelajar akan menerima sijil penghargaan sebagai bukti penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan dan ia menjadi satu nilai tambah kepada mereka semasa sesi temuduga. Selain itu, nilai-nilai pembentukan sahsiah yang baik juga dapat melahirkan generasi intelektual negara yang mampu bersaing dengan cabaran dunia luar. POLIMAS juga dalam usaha untuk meningkatkan lagi jumlah sukarelawan siswa bagi memenuhi kehendak dan keperluan industri.

RUJUKAN

- Kendall, J. C., & Associates. (1990). *Combining Service and Learning: A Resource Book for Community and Public Service*. National Society for Internships and Experiential Education.
- Mabry, J.B. (1998). Pedagogical variations in service-learning and student outcomes: How Time, Contact and Reflection Matter. *Michigan Journal of Community Service Learning*, 5(1), 32-47
- Astin & Sax. (1998). How Undergraduates Are Affected by Service Participation. *Journal of College Student Development*, 39: 251-263.
- Haski-Leventhal, D., Cnaan, R., Handy, F., Brudney, J. L., Holmes, K., & Hustinx, L. (2008). *Students' Vocational Choices and Voluntary Action: A 12 Nation Study*. Vol.19(1), 1- 21.
- Azizan Bahari. (2009). *Menjadi Sukarelawan*. Petaling Jaya: Qarya
- Shweiki & Mauck. (1993). *Volunteering In Cross-National Perspective: Initial Comparisons*. Civil Society Working Paper 10. London: London School of Economics, Centre for Civil Society.
- Kemp, S. (2002). Volunteers Learning in the Olympics. *Journal of European Industrial Training*, 26: 109-116.
- Cnaan, R. A., Handy, and F. Wadsworth, M. (1996). *Defining Who Is A Volunteer: Conceptual and Empirical Considerations, Nonprofit and Voluntary*. Sector Quarterly 3: 364–383.
- Musick, M. and Wilson J. (2003). Volunteering and Depression: The Role of Psychological and Social Resources in Different Age Groups. *Social Science and Medicine*, 56(2): 259- 269.
- Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad. (2013). *Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azizi Hj Yahaya, Yusof Boon & Amir Hamzah Abdul. (2005). *Kecergasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar*, Falkulti Pendidikan University Teknologi Malaysia & Universiti Utara Malaysia.
- Clary, E. G., Snyder, M., and Stukas. (1996). *Volunteers Motivations*. Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly 25: 485–505.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Ekerdt, D.J. (1986). The Busy Ethic: Moral Continuity Between Work and Retirement. *The Journal of Higher Gerontologists*, 3: 239-44.
- Ellis, S. J. (1996). The Executive Role in Volunteer Program Success. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 26: 215-240.
- Finkelstein, M. A., & Brannick, M. T. (2007). Applying Theories of Institutional Helping to Informal Volunteering: Motives, Role Identity and Prosocial Personality. *Social Behavior and Personality*, 35, 101-114.
- Gray. (2000). *The Benefits of Community Service for Students*. Change 2: 30-40.
- Jago, L., Deery. (2002). An Investigation of Volunteer Use in Tourism Organizations. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 5: 229-236.
- Hutchison, S. (2003). *Group Processes and Volunteering: Enhancing Recruitment and Retention*. Administration in Social Work 33: 23-33.
- Knauff, D. (1992). *Predicting the Retention of University Students*. Research in Higher Education 10: 35-37.
- Malhotra, N.K., Hall, J., Sham, M & Crsip, M. (1996). *Marketing Research: Applied Orientation (1st Edition)*. Sydney: Prentice Hall.
- McDonnell, I., Allen, J. & O'Toole, W. (1999). *Festival and Special Event Management*. Brisbane: John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Musick, Marc, and John Wilson. (2008). *Volunteers: A Social Profile*. Indianapolis: Indiana University Press.
- Evans, J. D. (1996). *Straightforward Statistics for the Behavioral Sciences*. Pasific Grove, CA:

- Brooks/Cole Publishing.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mod Fathi Adnan, Azlan Abdul Latib, Shahrin Hashim & Noor Syafawati Mamat (2013). *Impak Kursus UTM dan Khidmat Kolej Komuniti terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia*. Second Edition International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013).
- Sapura Sifon. (2001). *Stres dan Pencapaian Akademik Pelajar, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial*. Universiti Sabah.
- Yassin, S., Hasan, F. Amin, W. & Amiruddin, N. (2008). *Implementation of Generic Skills in The Curriculum, Proceedings of the EDU-COM 2008 International Conference*. Sustainability in Higher Education: Directions for Change, Edith Cowan University, Perth Western Australia.
- Wardatul Aishah Musa & Norani Othman. (2014). *Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum dan Keberkesanannya Kepada Remaja*, Proceeding of Sosial Science Research ICSSR 2014.